

Review

Ulasan Penyertaan Finalis Pertandingan Bakat Muda Sezaman 2021 Zon Sarawak: Ko-kreasi dan Seni di Lokasi

Review of Sarawak Finalist Entry for Young Contemporaries Award 2021: Co-creation and Art on Site

Mohamad Faizuan Mat^{1,2*} and Hasnul Jamal Saidon¹

¹School of The Arts, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA

²Faculty of Applied and Creative Arts, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA

*Corresponding author: mohdfaizuan@gmail.com

Published online: 29 September 2023

To cite this article: Mohamad Faizuan Mat and Hasnul Jamal Saidon. 2023. Ulasan penyertaan finalis Pertandingan Bakat Muda Sezaman 2021 zon Sarawak: Ko-kreasi dan seni di lokasi. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 22: 97–106. <https://doi.org/10.21315/ws2023.22.7>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/ws2023.22.7>

ABSTRACT

The 26th edition of the Young Contemporaries Awards 2021 (BMS2021) organised by the National Art Gallery, Malaysia for the first time introduced “Seni di Lokasi” (Art in Location) as a theme that allowed the artists freely to choose their own working and exhibition space. A total of 13 entries from Sarawak made it to the finals. Although, no main awards were won by participants from the Sarawak, but the concept and production methods of their works have the potential for the development of visual art activities, especially in Sarawak, and Malaysia in general. In critically evaluating the Sarawak participation artists from the concept and art-making view, it turns out that the understanding of art in location and method is quite different compared to other participants. The method used to produce artworks that directly involve the community is closely related to the chosen location. Therefore, this article further discusses Sarawak young artists’ pattern of thought through participation in BMS2021, especially related to concepts and methodologies of work.

Keywords: *The Young Contemporaries Awards 2021, co-creation, art in location, contemporary art*

ABSTRAK

Pertandingan Bakat Muda Sezaman (BMS) edisi ke-26 pada tahun 2021 anjuran Balai Seni Negara julung kali diadakan dengan temanya “Seni di Lokasi” yang memberi kebebasan kepada peserta untuk memilih sendiri lokasi untuk menghasilkan dan memamerkan karya mereka. Sejumlah 13 penyertaan dari Sarawak berjaya ke peringkat akhir. Walaupun tiada anugerah utama dirangkul oleh peserta dari zon Sarawak, konsep dan kaedah penghasilan karya-karya mereka mempunyai potensi dalam pembangunan aktiviti seni visual di Sarawak,

khlasnya dan di Malaysia secara umumnya. Bagi menilai penyertaan seniman dari zon Sarawak secara kritikal daripada perspektif penghasilan karya, ternyata pemahaman tentang lokasi dan kaedah agak berbeza berbanding peserta yang lain. Kaedah penghasilan karya seni yang melibatkan komuniti secara langsung sangat berhubung kait dengan lokasi yang dipilih. Justeru, penulisan ini mengulas dengan lebih terperinci tentang corak pemikiran seniman muda Sarawak dalam edisi BMS kali ini terutamanya berkaitan konsep dan metodologi pengkaryaan.

Kata kunci: Bakat Muda Sezaman 2021, ko-kreasi, seni di lokasi, seni kontemporari

PENDAHULUAN

Bakat Muda Sezaman (BMS) 2021 anjuran Balai Seni Negara dengan temanya “Seni di Lokasi” disambut dengan penuh semangat oleh peserta-peserta dari Zon Borneo: Sarawak. Sejumlah 13 penyertaan dari Sarawak dan sebahagian daripadanya berjaya ke peringkat akhir penjurian. Tema “Seni di Lokasi” bukan sesuatu yang baharu dalam kancah seni visual kontemporari di Malaysia. Yap Sau Bin (2013) pernah membahaskan persoalan pemilihan ruang dan lokasi secara kritikal. Beliau menyatakan bahawa kemunculan karya-karya berlokasi khusus (*site specific*), instalasi dan persembahan (*performance*) serta projek-projek di tempat awam, ruang-ruang maya (media dan internet) menimbulkan regionalisme. Peralihan dari ruang-ruang institusi seni konvensional kepada ruang-ruang lingkungan masyarakat telah berlaku dan seniman mendepani isu-isu urban/ruang di dunia nyata.

Contoh-contoh karya yang boleh kita lihat ialah projek berskala besar seperti *Off Wall Off Pedestals* pada tahun 2002 yang berlangsung di Akal di Ulu, yang merupakan sebuah kawasan dusun serta rumah penginapan. Pada tahun 2005, Chong Kim Chiew dengan karya instalasi *Isolation House* yang menggunakan sebuah rumah banglo dalam seni pemasangan dan beberapa lagi karya Chong Kim Chiew yang lain mendasari modus-operandi yang sama. Begitu juga karya oleh Low Yi Chin yang menghasilkan karya bertajuk *A White House* yang diinspirasikan dari rumah kayu tinggalan lama di hutan Kuantan dengan menyentuh isu-isu berkaitan alam sekitar, ekologi, serta tema tentang hidup dan mati. Banyak lagi karya-karya lain yang telah menjadikan ruang bukan konvensional (galeri) sebagai lokasi pengkaryaan.

Tema BMS kali ini seharusnya telah menyedari kewujudan karya-karya ini dan perlu memacunya untuk berada di satu tahap yang lebih tinggi. Perkara ini mampu menggalakkan penglibatan bersama komuniti. Namun, penglibatan secara total bersama komuniti ataupun masyarakat masih lagi samar tanpa ada pembuktian kukuh ke atas dapatannya. Walaupun begitu, masih ada usaha daripada penggiat-penggiat seni lain, yang juga sedang dan telah berusaha ke arah itu seperti projek Lendu International Art Camp dan Pasar Karat Dondang Sayang (PKDS) oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka; Projek Usungan: Ko-kreasi oleh Mohamad Faizuan Mat di Kuching, Sarawak; Projek Open Wall pada tahun 2021 dan Projek Monyet 2021–2022 di Muzium Galeri Tunku Fauziah (MGTF), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang oleh Hasnul Jamal Saidon.

Hasil tinjauan terhadap peserta pertandingan BMS 2021 mendapat bahawa terdapat beberapa karya peserta dari zon Sarawak yang merupakan lanjutan atau *take off* daripada projek-projek di atas dan memperlihatkan literatur terhadap konsep ruang dan lokasi ke arah penglibatan (*engaging*) komuniti atau masyarakat secara menyeluruh dalam konteks pengkaryaan. Perkara ini tercetus oleh pegangan konsep dan kaedah yang menggalakkan kolaborasi serta kerjasama yang kolektif dalam kalangan seniman dan juga komuniti bukan seni. Justeru, pengkaryaan peserta dari zon Sarawak boleh dikategorikan kepada dua pecahan iaitu kaedah dan lokasi.

KAEDAH KO-KREASI

Keistimewaan BMS kali ini bukan terletak pada pemilihan lokasi semata-mata; tidak juga seharusnya memberi penekanan terhadap penghasilan bentukan (formalistik) dan persembahan karya akhir; tetapi juga mementingkan aspek keterlibatan (*engaging*) bersama komuniti terpilih (*non-affiliated art community*). Hal ini akan memberikan manfaat kepada komuniti mahupun seniman itu sendiri dari aspek pemindahan pengetahuan seni (*art knowledge transfer*), pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*), kesihatan sosial dan kesejahteraan, serta banyak lagi. Tambahan pula, komuniti dan masyarakat pada hari ini amat terkesan dengan penularan wabak COVID-19 baik dari aspek sosial, emosi, mahupun mental. Sudah tentu, BMS kali ini menjadi titik tolak kepada permulaan kepada usaha memberi semula (*gives back*) kepada komuniti dan bukannya sekadar permainan elitis seni yang tidak difahami oleh marhaen.

Walau bagaimanapun, sudah tentu proses pengkaryaan sebegini memerlukan kaedah dan konsep tertentu dan pastinya tidak tercetus dalam jangka masa yang singkat. Kaedah dan konsep ini ditemui dalam projek-projek peserta dari zon Sarawak. Antaranya adalah Projek Qaleng, Projek Bako dan Projek Bin yang mengutarakan konsep dan kaedah ko-kreasi. Ko-kreasi mengajak komuniti bukan seni untuk sama-sama terlibat dalam lontaran idea awal sehingga ke penghasilan karya akhir. Kaedah ini juga memperlihatkan keupayaan dalam percubaan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh komuniti terpilih. Contohnya, Projek Bin di Kampung Muhibbah, Kuching yang diterajui oleh Mazlan Semawi dan Aftermath Thinker yang cuba mencari jalan penyelesaian bagi menangani permasalahan sampah sarap yang hanyut dibawa arus sungai walaupun ketiadaan tong sampah yang menjadi permasalahan sekian lama di kampung tersebut.

Justeru, pemilihan lokasi dan idea penghasilan karya ini saling berkait di antara satu sama lain. Ketepatan lokasi (permasalahan) dan karya (cadangan penyelesaiannya) menjadi satu titik tolak yang tepat dalam sasaran tema untuk BMS kali ini. Sampah seperti plastik *high density polyethylene* (HDPE) diolah dan diproses untuk dijadikan bahan karya. Pemprosesan plastik ini dipelajari oleh komuniti dengan bantuan para seniman yang terlibat; dengan harapan, pengetahuan tersebut dapat digunakan oleh komuniti untuk menghasilkan karya seni mahupun seni kraf fungsional bagi kegunaan sendiri, atau sebagai sumber pendapatan, dan sebagainya. Karya akhir Projek Bin bukan hanya sekadar arca awam fungsional (*bin*) yang dijadikan tempat pengumpulan sampah dan video aktiviti, tetapi sebenarnya merupakan cerminan kepada keterlibatan komuniti.



Foto 1 Aktiviti gotong-royong (ko-kreasi) Projek Bin di Kampung Muhibbah, Kuching dan pemasangan arca.

Sumber: Foto simpanan penulis, 2021.



Foto 2 Projek Qaleng (proses pemberian qaleng kepada komuniti terpilih).

Sumber: Foto simpanan penulis, 2021.

Projek Qaleng yang dijalankan di Kampung Pulo Hilir, Kuching oleh Awang Mohd. Zaki dan rakan-rakan merupakan sebuah proposisi kelestarian budaya tidak ketara seperti amalan bersedekah melalui pemberian *qaleng* (mangkuk tingkat) berisi makanan kepada golongan yang memerlukan. Budaya ini telah lama menyepi dalam kehidupan masyarakat Melayu Kuching akibat arus pemodenan serta kesan pandemik COVID-19. Justeru, Awang Mohd. Zaki selaku ketua projek menemui idea untuk berkolaborasi dengan penghantar makanan (*food delivery*) seperti GrabFood dan Foodpanda untuk meneruskan amalan ini dengan cara yang terkini. Kolaborasi ini adalah satu usaha mulia yang harus diberi pujian agar budaya dan amalan tersebut dapat diteruskan dalam konteks norma baharu. Idea ini juga didasari dengan kaedah ko-kreasi yang dilaksanakan di antara seniman, fasilitator, penghantar makanan, dan jawatankuasa keselamatan dan kebajikan (JKK) kampung, serta komuniti setempat.

Peserta BMS bukan sahaja pening memikirkan karya akhir, bahkan proses perlaksanaan memakan masa, serta usaha pencarian dana yang agak terhad. Qaleng yang berisi makanan dihantar ke rumah asnaf dari masjid (tempat peristiwa/pusat karya BMS dijalankan). Karya akhir projek ini dihadirkan dalam bentuk rakaman video penghantar makanan menuju ke rumah asnaf dan foto kolaj gambaran destinasi (Google coordinate) rumah asnaf untuk membuka peluang kepada orang ramai yang ingin membantu. Projek ini juga adalah proses keterlibatan yang berpanjangan dan mengeratkan hubungan silaturahim sesama mereka. Karya video projek ini boleh diakses melalui pautan <https://www.facebook.com/ProjekQaleng>.

Projek Bako pula agak santai dan seolah-olah nampak seperti bengkel fotografi dan video biasa yang sering dilaksanakan oleh badan-badan tertentu atas nama tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*, CSR). Tetapi, menariknya Projek Bako ini adalah kerana terinspirasi oleh agenda *Sustainable Development Goal* (SDG) yang ketiga iaitu kesihatan baik dan kesejahteraan (*good health and well-being*). Objektifnya adalah mengeksplorasi kaedah ko-kreasi dalam meningkatkan kualiti kesejahteraan dan kesihatan. Bengkel fotografi dan video dijalankan bersama komuniti (seramai 20 orang peserta). Mereka mempelajari teknik fotografi dan video untuk menghasilkan karya bagi mengetengahkan keunikan Kampung Bako dan kehidupan kekeluargaan mereka sendiri bertemakan “*My Family, My Bako*.”

Objektif Projek Bako ini lebih kepada memberikan pendidikan (*serve to educate*) dan ingin melihat keberkesanan peranan seni dalam meningkatkan mutu kehidupan dalam konteks bersosial. Mereka ingin melihat reaksi dan respon komuniti setempat; sebelum dan selepas aktiviti dijalankan. Dalam hal ini, hasil fotografi dan

video oleh komuniti tidak menjadi hal yang besar—dalam aspek cantik, indah, atau pun tidak. Aktiviti yang dijalankan adalah untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan kerana peserta (komuniti) yang hadir ke program ini adalah dalam kalangan 10 keluarga yang terdiri daripada abang dan adik, bapa dan anak, sepupu, dan lain-lain lagi. Foto 3 mempamerkan peserta BMS sedang memberi tunjuk ajar tentang penggunaan telefor pintar untuk mengambil gambar. Karya akhir projek ini adalah gabungan karya video peserta (komuniti) dan foto kolaj hasil inspirasi komuniti dan seniman seperti di dalam Foto 4, dan ianya boleh disaksikan di Facebook Page (<https://www.facebook.com/projek.bako>) yang telah disediakan oleh peserta untuk tontonan atas talian.



Foto 3 Seniman/peserta BMS memberi tunjuk ajar kepada komuniti berkenaan fotografi telefon pintar dan teknik video.

Sumber: Foto simpanan penulis, 2021.



Foto 4 Projek Bako: Video bengkel fotografi dan video (kiri) dan video dari komuniti bersama seniman (kanan).

Video bengkel: <https://www.facebook.com/projek.bako/videos/226346899636155>

Video peserta: <https://www.facebook.com/projek.bako/videos/858852081463671>

SENI DI LOKASI

Peserta dari zon Sarawak juga tidak terkecuali daripada memilih lokasi menarik untuk mempamerkan karya mereka. Pemilihan lokasi oleh kumpulan yang diketui oleh Amir Hassan dan rakan-rakan ini didasari oleh konsep *eco-art* (isu kelestarian alam sekitar) dengan harapan untuk memasang karya mereka di dasar laut. Tujuannya adalah untuk mencipta arca dalam air (laut) yang mesra hidupan marin. Namun, karya arca instalasi bertajuk *Maqassid Di Dasar Mu* ini terlebih dahulu musnah akibat hembusan ombak kuat di tepi pantai sebelum sempat proses pemendapan di laut dilakukan.

Hal-benda bagi rupa dan bentuk arca ini diinspirasikan oleh imejan Rub El Hizb iaitu dua kotak segi empat tepat yang dicantumkan menjadi bintang lapan. Lambang ini banyak digunakan oleh kerajaan Islam lama dan juga menjadi simbol kepada Al Quds pada zaman Bani Umayyah. Ketika Islam menguasai Andalusia, simbol ini juga digunakan untuk menunjukkan kekhilafahan Islam. Rub El Hizb ini dikenali melalui adat budaya masyarakat Islam dahulu kala sebagai simbol untuk menunjukkan kekuasaan dan kemakmuran. Binaan arca bawah laut akan menjadi arca berfungsi untuk menjadikan konsep dan imejan Rub El Hizb sebagai tonggak dalam penghasilan karya. Ia melambangkan sesuatu yang baik, bersifat memelihara, memberi kebaikan kepada alam dan ekosistem, memberi keperluan ekonomi kepada penduduk persisir, memperbanyakkan populasi ikan, dan memberi sifat belas kepada penghuni laut.



Foto 5 Proses pemasangan karya *Maqassid Di Dasar Mu* di lokasi yang dipilih.

Sumber: Foto sumbangan seniman, 2021.



Foto 6 *The Charter for a Beautiful City* oleh Mohd Iqbal Hashim.

Sumber: Foto sumbangan seniman, 2021.

Karya arca instalasi oleh Mohd Iqbal Hashim *The Charter for a Beautiful City* (Foto 6) yang dipasang di Waterfront, Kuching juga mempunyai daya tarikan tersendiri. Tontonan umum oleh komuniti memberikan satu kelebihan dalam aspek interpretasi dan persepsi bagi memberi kefahaman tentang tiga skala naratif dalam interaksi komuniti itu sendiri iaitu diri (*self*), antara satu sama lain (*between people*), dan dalam komuniti (*within community*). Iqbal menghasilkan karya ini sebagai perwakilan aspirasi dan keinginan penduduk kota. Keinginan dan hasrat ini terwujud dalam pertumbuhan tiga skala tersebut yang dibina menjadi sebuah objek “*ambiguo-logical*.” Karya ini telah memberi kemenangan buat Iqbal dengan mendapat Anugerah Kehormat Juri.

Karya solo Awang Mohd. Zaki yang bertajuk *Perauk Tambang* dalam penyertaan BMS kali ini juga memberikan satu persepsi berbeza terhadap peranan seorang seniman. Beliau bertindak lebih kepada seorang fasilitator dalam programnya sendiri berbanding menjadi seorang seniman. Beliau memberi tunjuk ajar proses penghasilan origami kepada sebilangan kanak-kanak di kampungnya sebelum melanjutkan proses penghasilan replika arca kertas perahu tambang. Perahu tambang yang menjadi bentuk dan imejan ikonik masyarakat Melayu di Kuching, Sarawak, mewakili aspek sumber mata pencarian, rezeki, usaha, kerja keras, budaya, dan amalan; diterapkan dan dihebahkan kepada kanak-kanak yang menyertai projek ini untuk kesedaran dan pengetahuan mereka. Penghasilan ratusan origami perahu tambang ini hasil kolaborasi Awang Mohd. Zaki bersama dengan kanak-kanak di kampung ini. Tidak hanya atas dasar menghasilkan karya kendiri, beliau mengadakan aktiviti sebegini bagi mengisi waktu luang kanak-kanak ini, sekaligus mendidik mereka untuk mengikuti apa-apa saja aktiviti yang bermanfaat terutamanya aktiviti yang melibatkan seni. Perancangan awal adalah untuk melepaskan origami perahu tambang kertas ini ke dalam sungai, namun tidak dapat dijalankan atas faktor-faktor mematuhi pelaksanaan *standard operating procedure* (SOP) COVID-19.



Foto 7 Aktiviti origami perahu tambang oleh Awang Mohd. Zaki dan kanak-kanak.
Sumber: Foto sumbangan seniman, 2021.




Foto 8 *Kumang Loofah* oleh Norhafezza Abdul Rahman.
Sumber: Foto simpanan penulis, 2021.

Akhir sekali, karya oleh Norhafezza Abdul Rahman yang menjadikan teori kecantikan sebagai konsep utama. Beliau memilih sabut petola sebagai hal-benda untuk mewakili budaya kecantikan masyarakat Iban di Sarawak. Kehalusan dan kecantikan kulit masyarakat Iban adalah dari hasil penggunaan produk alami. Terdapat imejan wanita Iban pada karya ini yang dilekatkan di atas permukaan sabut petola menggunakan teknik pemindahan foto (*photo transfer*) dan diberikan lampu bagi menimbulkan cahaya pada imejan tersebut. Karya ini pada awalnya direncanakan untuk dipasang di pusat membeli belah bagi menarik penonton dan mendapatkan respon daripada mereka berkenaan konsep kecantikan ini. Namun, oleh sebab terdapat kekangan dan beberapa lagi hal lain bersangkut paut dengan SOP penularan wabak COVID-19, ianya tidak dapat dilakukan. Walau bagaimanapun, karya ini dipamerkan di Galeri Seni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, peserta dari zon Sarawak telah mempamerkan potensi yang tinggi terutamanya dalam percubaan menggunakan konsep dan metodologi pengkaryaan. Seperti yang kita sedia maklum, Sarawak mempunyai kekuatan yang cenderung ke arah kraf, artifik, dan susur galur budaya yang tinggi. Walau bagaimanapun, ruang dan peluang untuk generasi muda Sarawak mempamerkan pemahaman tentang seni kontemporari mereka masih lagi terhad. Kita mempunyai pelapis berbakat dalam bidang seni visual kontemporari dengan karya seni video, seni persembahan, seni pemasangan, seni elektronik, dan lain-lain lagi. Justeru, BMS adalah landasan yang paling tepat untuk mereka menonjolkan diri walaupun masih terdapat beberapa perkara yang harus diperbaiki dari masa ke semasa.

Pertama, majoriti proses dan pengkaryaan peserta dari zon Sarawak memperlihatkan keterlibatan komuniti (*engaging*). Hal ini terjadi kerana penggunaan konsep yang sesuai dan komuniti dilibatkan seawal proses janaan idea hingga ke proses penghasilan karya. Kedua, seniman (peserta) tidak meletakkan diri mereka semata-mata sebagai seorang seniman tetapi lebih kepada fasilitator yang membimbang komuniti setempat dalam hal seni, percubaan penyelesaian masalah (*problem solving attempts*) dan berkongsi pengetahuan mereka kepada komuniti (*knowledge transfer*). Hal ini boleh dilihat pada Projek Bin, Projek Bako, Projek Qaleng, dan Projek Perahu Tambang. Akhirnya, apa yang telah orang kampung pelajari dan alami menjadi pembelajaran sepanjang hayat (*lifelong learning*) buat mereka. Sudah pastinya, mereka akan amalkan dan gunakan dalam kehidupan sehari-hari. Kesannya tidak hadir sekarang, tetapi mungkin pada masa hadapan.

Penetapan lokasi karya yang dipilih tidak hanya sekadar lokasi. Lokasi yang dipilih berkait rapat dengan karya yang dihasilkan. Contohnya, Kampung Muhibbah, Kuching dijadikan lokasi karya Projek Bin kerana permasalahan sampah yang telah lama berlaku di kampung tersebut. Sehubungan itu, peserta dan orang kampung sendiri menghasilkan *bin* sebagai simbolik untuk bersama-sama mengumpul sampah. Sampah berupa plastik boleh diproses semula sebagai karya seni sama ada fungisional atau pun hiasan (*use and ornament*) oleh orang-orang kampung. Begitu juga amalan qaleng yang dicetuskan oleh masyarakat Melayu di Kampung Pulo Hilir mempunyai harapan untuk diteruskan dengan kerjasama secara norma baharu menerusi konsep kolaborasi.

Cabarannya bagi projek-projek keterlibatan komuniti seperti Projek Bin, Projek Qaleng, Projek Bako dan Projek Perahu Tambang adalah had penyertaan komuniti yang minima kerana pematuhan SOP COVID-19. Peserta perlu bijak membahagikan masa dan slot mengikut fasa-fasa tertentu. Walau bagaimanapun, masa yang terhad juga mencemburui projek-projek komuniti sebegini. Perancangan awal yang teliti diperlukan dan juga perlu ada pelan sandaran (*back up plan*) dalam situasi pandemik sebegini. Projek-projek yang telah dilakukan harus mengadakan satu sesi refleksi bersama komuniti untuk mendapatkan respon dan saranan mereka agar ianya tidak dilihat seperti sebuah projek *one-off* atau projek *touch and go* yang tidak menekankan aspek pembangunan pengetahuan mahupun perhubungan (*relationship*), makna (*meaning*), dan rangkaian (*connection*) yang berterusan.

Tema “Seni di Lokasi” ini mempunyai potensi dan harus diteruskan untuk BMS yang akan datang. Peserta dari Sarawak rata-ratanya amat menyukainya kerana selama ini mereka bergelut dengan aspek logistik dan sebagainya untuk menyertai BMS dalam konteks karya nyata (*tangible*). Sebaliknya, secara *intangible* ianya boleh diselesaikan dengan definisi “lokasi” yang lebih terbuka untuk diekperimentasikan. Sekiranya ianya masih ingin diteruskan pada masa akan datang, perkara-perkara ini juga harus diambil perhatian; tidak hanya sekadar lokasi secara fizikal, malah mengambil kira dalam konteks virtual. Contohnya, penekanan juga diberikan dalam konteks maya/digital yang menggunakan landasan terkini seperti *blockchain* untuk NFT (*non-*

fungible token) yang boleh menyimpan fail maya seperti fotografi, video, audio, dan sebagainya. Pengkaryaan dalam talian/internet art juga mulai mengambil tempat semula dalam situasi norma baharu dan ianya telah dibina sejak sekian lama; namun, tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Justeru, mungkin perkara ini boleh dipertimbangkan pada anjuran BMS yang akan datang.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Balai Seni Negara atas lantikan sebagai Pakar Rujuk bagi Pertandingan dan Pameran Bakat Muda Sezaman 2021 Zon Sarawak.

RUJUKAN

Yap Sau Bin. 2013. “Re-Negotiating Spaces: Site, Space and Place in Contemporary Art in Malaysia.” In *Reactions—New Critical Strategies: Narrative in Malaysian Art*, vol 2. Edited by Nur Hanim Khairuddin, Beverly Yong, with T.K. Sabapathy, 297–308. Kuala Lumpur: RogueArt.